TERHAD

VERSI 1.1

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERKESO

POLISI KESELAMATAN SIBER (PKSB)

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

PENGGUNA LUAR

Polisi Keselamatan Siber
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Kementerian Sumber Manusia

Versi 1.1

14 Disember 2022

INFORMASI DOKUMEN

VERSI	KELULUSAN	TARIKH KUATKUASA
Versi 1.0	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) PERKESO Bil 3/2022	25 April 2022
Versi 1.1	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) PERKESO Bil 8/2022	13 Disember 2022

A. REKOD PINDAAN

Tarikh	VERSI	PINDAAN/PENAMBAHAN
14 Disember 2022	1.1	Pindaan Bidang 05(A.9) Kawalan Akses (*Access Control*), DP050403(A.9.4.3) Sistem Pengurusan Kata Laluan (*Password Management System*). Tambahbaik para c. Panjang kata laluan digalakkan mempunyai **LAPAN (8) AKSARA** dengan gabungan antara huruf, aksara khas dan nombor (*alphanumeric*) **KECUALI** kelulusan khas daripada CSIRT PERKESO. Pindaan Bidang 05(A.9) Kawalan Akses (*Access Control*), DP050205(A.9.2.5) Kajian Semula Hak Akses Pengguna (*Review of User Access Rights*). Keluarkan penyataan "Pemilik aset hendaklah menyemak hak akses pengguna pada sela masa yang ditetapkan".
14 Disember 2022	1.1	Pindaan Bidang 02(A.6) Perancangan Bagi Keselamatan Organisasi (*Organization of*

		Information Security). Tambahbaik sub bidang DP020101(A.6.1.1) Peranan dan Tanggungjawab Keselamatan Maklumat (*The Role and Responsibility of Information Security*), para (x) *Cyber Security Incident Response Team* (CSIRT PERKESO). Mengemaskini peranan dan tanggungjawab CSIRT PERKESO adalah seperti berikut : a. Memaklumkan insiden keselamatan siber kepada CSIRT PERKESO (sekiranya ada); dan b. Memantau, mengesan dan mengesahkan aduan insiden keselamatan siber, seterusnya mengenal pasti jenis insiden serta menilai impak insiden keselamatan siber; c. Melaksanakan pengurusan insiden keselamatan siber; dan d. Menyebarkan makluman/amaran berkaitan insiden keselamatan siber kepada semua warga PERKESO.
14 Disember 2022	1.1	Pindaan Bidang 02(A.6) Perancangan Bagi Keselamatan Organisasi (*Organization of Information Security*). Tambahbaik sub bidang DP020101(A.6.1.1) Peranan dan Tanggungjawab Keselamatan Maklumat (*The Role and Responsibility of Information Security*), para (xi) Pasukan Petugas Keselamatan Siber (PPKS) PERKESO. Peranan

		dan tanggungjawab PPKS adalah seperti berikut : a. Menerima dan mengesahkan aduan insiden keselamatan siber, seterusnya mengenal pasti jenis insiden serta menilai impak insiden keselamatan siber; b. Bertindak sebagai *first level support* kepada CSIRT PERKESO dalam mengendalikan insiden keselamatan siber, mengawasi dan memberi khidmat nasihat berkaitan keselamatan siber; c. Merekod dan menjalankan siasatan awal terhadap insiden yang diterima; d. Menjalankan penilaian untuk memastikan tahap keselamatan siber dan mengambil tindakan pemulihan serta pengukuhan keselamatan siber supaya insiden baharu dapat dielakkan; dan e. Menyediakan laporan insiden keselamatan siber.
14 Disember 2022	1.1	Mengemas kini pernyataan : "*Computer Emergency Response Team* (CERT)" kepada "*Cyber Security Incident Response Team* (CSIRT)"

Diluluskan Oleh:

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) PERKESO.

Bidang Polisi Keselamatan Siber PERKESO

Bidang 01(A.5) Polisi Keselamatan Maklumat
Bidang 02(A.6) Perancangan Bagi Keselamatan Maklumat
Bidang 03(A.7) Keselamatan Sumber Manusia
Bidang 04(A.8) Pengurusan Aset
Bidang 05(A.9) Kawalan Akses
Bidang 06(A.10) Kriptografi
Bidang 07(A.11) Keselamatan Fizikal dan Persekitaran
Bidang 08(A.12) Keselamatan Operasi
Bidang 09(A.13) Keselamatan Komunikasi
Bidang 10(A.14) Pemerolehan, Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem
Bidang 11(A.15) Hubungan Dengan Pembekal
Bidang 12(A.16) Pengurusan Insiden Keselamatan Maklumat
Bidang 13(A.17) Aspek Keselamatan Maklumat dalam Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan
Bidang 14(A.18) Pematuhan

Format Polisi Keselamatan Siber PERKESO

DP010101 (A.5.1.1) Polisi Keselamatan Maklumat

DP	01	01	01	A.5.1.1
PKSB PERKESO	Bidang	Objektif mengikut Bidang	Kawalan Objektif Bagi Objektif mengikut Bidang	Kod yang digunakan dalam ISO/IEC 27001:2013

PENGENALAN

Polisi Keselamatan Siber (PKSB) PERKESO ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tanggungjawab dan peraturan-peraturan yang perlu difahami dan dipatuhi oleh pengguna luar yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO dalam melindungi maklumat di ruang siber.

ASET ICT PERKESO

Aset ICT PERKESO merangkumi Maklumat, Aliran Data, Platform Aplikasi dan Perisian, Peranti Fizikal dan Sistem, Sistem Luaran serta Sumber Luaran seperti berikut :

(1) Maklumat

Semua penyedia perkhidmatan dalam PERKESO hendaklah mengenal pasti maklumat yang dijana dan hendaklah mengasingkannya mengikut kategori :

(a) Maklumat Rahsia Rasmi

Di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), maksud Maklumat Rahsia Rasmi ialah apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa dokumen rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" mengikut mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972.

(b) Maklumat Rasmi

Maklumat Rasmi ialah maklumat yang diwujudkan, digunakan, diterima atau dikeluarkan secara rasmi oleh PERKESO semasa

menjalankan urusan rasmi. Maklumat rasmi ini juga merupakan rekod awam yang tertakluk di bawah peraturan-peraturan Arkib Negara.

(c) Maklumat Pengenalan Peribadi

Maklumat Pengenalan Peribadi (PII atau *Personally Identifiable Information*) ialah maklumat yang boleh digunakan secara tersendiri atau digunakan bersama maklumat lain untuk mengenal pasti individu tertentu. Data PII mengandungi data peribadi dan data sensitif individu. PII boleh juga terkandung dalam Maklumat Rahsia Rasmi.

(2) Aliran Data

Aliran Data merujuk kepada laluan lengkap data tertentu semasa transaksi. Aliran Data dan komunikasi dalam PERKESO hendaklah dikenal pasti, direkodkan dan dikaji semula secara berkala. Saluran komunikasi termasuk :

(a) Saluran komunikasi dan aliran data antara sistem di PERKESO;
(b) Saluran komunikasi dan aliran data ke sistem luar; dan
(c) Saluran komunikasi dan aliran data ke ruang storan pengkomputeran awan (*cloud computing*) dianggap sebagai saluran komunikasi luaran.

(3) Sistem Luaran

Sistem Luaran ialah sistem bukan milik PERKESO yang dihubungkan dengan sistem PERKESO. Semua sistem luaran hendaklah dikenal pasti, direkodkan dan dinilai tahap keselamatannya secara berkala.

(4) Sumber Luaran

Semua perkhidmatan sumber luaran hendaklah dikenal pasti, direkod dan dinilai tahap keselamatannya secara berkala. Perkhidmatan sumber luaran ialah perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi luar untuk menyokong operasi PERKESO. Contoh perkhidmatan sumber luaran ialah :

(a) Perisian Sebagai Satu Perkhidmatan
(b) Platform Sebagai Satu Perkhidmatan
(c) Infrastruktur Sebagai Satu Perkhidmatan

(d) Storan Pengkomputeran Awan

(e) Pemantauan Keselamatan

Saluran komunikasi dan aliran data kepada perkhidmatan ini hendaklah dikenal pasti, direkodkan, dikaji semula dan dipastikan keselamatannya secara berkala.

RISIKO

PERKESO hendaklah mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan maklumat yang terlibat. Risiko ialah kebarangkalian PERKESO tidak dapat melaksanakan fungsi jabatan dengan baik. Penilaian risiko hendaklah dilaksanakan bagi menilai risiko terjejasnya kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat dalam ruang siber PERKESO.

Penilaian risiko hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya **sekali setahun** atau apabila berlaku sebarang perubahan ketara kepada persekitaran siber PERKESO.

Penilaian risiko hendaklah dikenal pasti dan dilaksanakan dengan tindakan berikut :

(1) Penguraian Risiko

(a) Penguraian Risiko hendaklah dikenal pasti untuk menentukan sama ada risiko perlu dielakkan, dikurangkan, diterima atau dipindahkan dengan mengambil kira kos/faedahnya.

(b) Ancaman berkaitan baki risiko dan risiko yang diterima hendaklah dipantau secara berkala dengan mengambil kira perkara berikut :

(i) Teknologi

Teknologi hendaklah dikenal pasti untuk mengurangkan risiko. Sebagai contoh, tembok api digunakan untuk menghadkan capaian logikal kepada sistem tertentu.

(ii) Proses

Perekayasaan proses, Prosedur Operasi Standard dan polisi hendaklah dikenal pasti untuk mengurangkan risiko.

(iii) Manusia

Mengenal pasti sumber manusia berkelayakan dan kompeten yang mencukupi serta memastikan pengurusan sumber manusia dilaksanakan sebagai pengolahan risiko yang berkesan.

(2) Pengurusan Risiko

(a) Penyedia perkhidmatan digital di PERKESO hendaklah memastikan tadbir urus pengurusan risiko diwujudkan dengan mengambil kira perkara berikut :

(1) Mengenal pasti kerentanan;
(2) Mengenal pasti ancaman;
(3) Menilai risiko;
(4) Menentukan penguraian risiko;
(5) Memantau keberkesanan penguraian risiko; dan
(6) Memantau ancaman yang berkaitan dengan baki risiko dan risiko yang diterima.

(b) Tahap Risiko dan Pengurusan Risiko hendaklah dijadikan agenda tetap dan dibincangkan sekurang-kurangnya **sekali setahun** atau apabila perlu oleh Bahagian masing-masing dan dimaklumkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT dan Jawatankuasa Pelaksana ISMS PERKESO.

TEKNOLOGI

Teknologi untuk melindungi data hendaklah dikenal pasti di semua peringkat pemprosesan data di setiap elemen pengkomputeran seperti berikut :

(1) Perlindungan Ketirisan Data

(a) Teknologi perlindungan ketirisan data bertujuan untuk menghalang pengguna yang sah daripada menyebarkan maklumat tanpa kebenaran.

(b) Teknologi dan langkah-langkah perlindungan hendaklah dipilih berdasarkan penilaian risiko untuk menghalang atau mengesan ketirisan data.

(2) Elemen Dalam Persekitaran Pengkomputeran

Maklumat Rahsia Rasmi hendaklah disimpan dan diproses dalam persekitaran pengkomputeran mengikut Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) atau mendapat pengesahan dari CGSO.

Setiap projek ICT yang dibangunkan di PERKESO hendaklah mempunyai Pelan Pengurusan Keselamatan Maklumat tersendiri yang mengandungi maklumat terperinci berhubung seni bina sistem, teknologi, kawalan keselamatan bagi setiap kategori elemen di bawah :

(a) Peranti Pengkomputeran Peribadi

(1) Peranti pengkomputeran peribadi merujuk kepada peranti komputer yang digunakan oleh manusia untuk beinteraksi dengan sistem. Contoh peranti pengkomputeran peribadi ialah komputer riba, stesen kerja, telefon pintar, tablet dan peranti storan.

(2) Pengguna yang menggunakan peranti pengkomputeran peribadi milik persendirian untuk mencapai Maklumat Rasmi hendaklah memohon kebenaran daripada PERKESO. Walau bagaimanapun, peranti pengkomputeran peribadi milik persendirian hendaklah dilarang daripada mencapai maklumat Rahsia Rasmi dan dilarang sama sekali dibawa masuk ke kawasan terperingkat. Teknologi yang boleh menguruskan peranti pengkomputeran peribadi milik persendirian hendaklah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pelan pengolahan risiko.

MANUSIA

Pengguna Luar hendaklah memahami peranan dan tanggungjawab mereka. Mereka hendaklah mematuhi terma dan syarat perkhidmatan serta peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(1) Kompetensi Pengguna

(a) Kompetensi pengguna termasuk kesedaran amalan terbaik keselamatan maklumat dengan memupuk amalan baik keselamatan siber dengan mewujudkan komunikasi ICT dan program kesedaran keselamatan siber.

(b) Kompetesi pengguna hendaklah tertakluk kepada penilaian berkala melalui ujian mendalam.

(c) Setiap orang yang diberi kuasa untuk mengendalikan dokumen terperingkat, kompetensi tambahan pengguna selaras dengan arahan/pekeliling semasa adalah diharapkan.

(2) Peranan

(a) Peranan pengguna hendaklah diberi berdasarkan keperluan dan kompetensi pengguna.

(b) Setiap orang yang terlibat dengan Maklumat Rahsia Rasmi hendaklah menandatangani perjanjian ketakdedahan seperti Arahan Keselamatan. Salinan asal perjanjian yang ditandatangani hendaklah disimpan dengan selamat dan menjadi rujukan masa depan.

(c) Tiada hak capaian automatik diberikan kepada individu tanpa mengira tapisan keselamatan mereka.

PERNYATAAN POLISI KESELAMATAN SIBER PERKESO

Keselamatan ditakrifkan sebagai keadaan yang bebas daripada ancaman dan risiko yang tidak boleh diterima. Penjagaan keselamatan adalah suatu proses yang berterusan dan melibatkan aktiviti berkala yang mesti dilakukan dari semasa ke semasa untuk menjamin keselamatan kerana ancaman dan kelemahan siber sentiasa berubah.

Keselamatan ICT adalah bermaksud keadaan di mana segala urusan menyedia dan membekalkan perkhidmatan yang berasaskan sistem ICT sentiasa beroperasi secara berterusan tanpa gangguan yang boleh menjejaskan keselamatan. Pengguna Luar hendaklah mematuhi pernyataan polisi keselamatan siber PERKESO dan memaklumkan kepada PERKESO sekiranya terdapat apa-apa ancaman dan risiko berkaitan dengan perkara yang menjejaskan keselamatan siber PERKESO

Keselamatan ICT berkait rapat dengan perlindungan aset ICT. Terdapat empat (4) komponen asas keselamatan ICT iaitu:

a. Melindungi maklumat rasmi organisasi mengikut klasifikasi dari capaian tanpa kuasa yang sah;
b. Menjamin setiap maklumat adalah tepat dan sempurna;
c. Memastikan ketersediaan maklumat apabila diperlukan oleh pengguna; dan
d. Memastikan akses kepada pengguna-pengguna yang sah.

Pernyataan ini merangkumi perlindungan semua bentuk maklumat elektronik dan bukan elektronik yang dimasukkan, diwujud, dimusnah, disimpan, dijana, dicetak, diakses, diedar dalam penghantaran dan yang dibuat salinan bagi memelihara keselamatan ruang siber dan ketersediaan maklumat kepada semua pengguna yang dibenarkan. Ciri-ciri utama keselamatan maklumat adalah seperti berikut:

a. Kerahsiaan - Maklumat tidak boleh didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan diakses tanpa kebenaran;
b. Integriti - Data dan maklumat hendaklah tepat, lengkap dan kemas kini dan hanya boleh diubah dengan cara yang dibenarkan;
c. Tidak Boleh Disangkal - Punca data dan maklumat hendaklah daripada punca yang sah dan tidak boleh disangkal;
d. Kesahihan - Data dan maklumat hendaklah dipastikan kesahihannya; dan
e. Ketersediaan - Data dan maklumat hendaklah boleh diakses pada bila-bila masa.

Selain itu, langkah-langkah ke arah memelihara keselamatan siber hendaklah bersandarkan kepada penilaian yang bersesuaian dengan perubahan semasa terhadap kelemahan ICT PERKESO, ancaman yang wujud akibat daripada kelemahan tersebut, risiko yang mungkin timbul dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil untuk menangani risiko berkenaan.

14 bidang keselamatan yang terlibat di dalam Polisi Keselamatan Siber PERKESO diterangkan dengan lebih jelas dan teratur seperti berikut :

Bidang 01(A.5) Polisi Keselamatan Maklumat (*Information Security Policy*)

0101(A.5.1) Hala Tuju Pengurusan Untuk Keselamatan Maklumat (*Management Direction for Information Security*)

Objektif:

Menerangkan hala tuju dan sokongan pengurusan terhadap keselamatan maklumat selaras dengan keperluan PERKESO dan perundangan yang berkaitan.

DP010101(A.5.1.1) Polisi Keselamatan Maklumat (*Policies for Information Security*)

Polisi Keselamatan Siber PERKESO mestilah dipatuhi oleh semua pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO.	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

DP010102(A.5.1.2) Kajian Semula Polisi Untuk Keselamatan Maklumat (Review *of Policies for Information Security*)

Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja

Bidang 02(A.6) Perancangan Bagi Keselamatan Organisasi (*Organization of Information Security*)
0201(A.6.1) Perancangan Dalaman (*Internal Organization*)
Objektif: Menerangkan peranan dan tanggungjawab individu yang terlibat dengan lebih jelas dan teratur dalam mencapai objektif Polisi Keselamatan Siber PERKESO.
DP020101(A.6.1.1) Peranan dan Tanggungjawab Keselamatan Maklumat (*The Role and* Responsibility *of Information Security*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP020102(A.6.1.2) Anggota PERKESO
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP020103(A.6.1.3) Pengguna Luar

Peranan dan tanggungjawab anggota luar adalah seperti berikut: a. Membaca, memahami dan mematuhi Polisi ini; b. Mengetahui dan memahami implikasi keselamatan siber kesan daripada tindakanya; c. Mematuhi prinsip-prinsip keselamatan Polisi ini dan menjaga kerahsiaan maklumat Kerajaan d. Melaksanakan langkah-langkah perlindungan seperti berikut :	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

(i) Menghalang pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak berkaitan; (ii) Menjaga kerahsiaan kata laluan yang diberikan; (iii) Menjaga tahap kerahsiaan maklumat; (iv) Melaksanakan peraturan berkaitan maklumat terperingkat terutama semasa pewujudan, pemprosesan, penyimpanan, penghantaran, penyampaian, pertukaran dan pemusnahan; dan (v) Menjaga kerahsiaan kawalan keselamatan siber dari diketahui umum. e. Menggunakan kemudahan ICT dengan berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan; dan f. Menandatangani **Surat Akuan Pematuhan PKSB PERKESO**, **Borang *Non Disclosure Agreement* (NDA)** dan **Borang Soalan Keselamatan (KPKK 11)**.	
DP020104(A.6.1.4) Pengasingan Tugas (*Segregation of Duties*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO dan pembekal sahaja	
DP020105(A.6.1.5) Hubungan Dengan Pihak Berkuasa (*Contact with Authorities*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja	
DP020106(A.6.1.6) Hubungan Dengan Kumpulan Berkepentingan Yang Khusus (*Contact with Special Interest Groups*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja	
DP020107(A.6.1.7) Keselamatan Maklumat Dalam Pengurusan Projek (*Information Security in Project Management*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO dan pembekal sahaja	

0202(A.6.2) Peranti Mudah Alih dan Telekerja

Objektif:

Memastikan keselamatan telekerja dan penggunaan peralatan mudah alih.

DP020201(A.6.2.1) Polisi Peranti Mudah Alih (*Mobile Device Policy*)

Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja

DP020202(A.6.2.2) Telekerja (*Teleworking*)

Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja

Bidang 03(A.7) Keselamatan Sumber Manusia (*Human Resource Security*)

0301(A.7.1) Sebelum Perkhidmatan (*Prior To Employment*)

Objektif:

Memastikan pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO memahami tanggungjawab dan peranan serta meningkatkan pengetahuan dalam keselamatan aset ICT.

DP030101(A.7.1.1) Tapisan Keselamatan (*Security Screening*)

Tapisan keselamatan hendaklah dijalankan terhadap pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO yang terlibat selaras dengan keperluan perkhidmatan. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : a. Menyatakan dengan lengkap dan jelas peranan dan tanggungjawab pengguna dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO yang terlibat dalam menjamin keselamatan aset ICT sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan; dan b. Menjalankan tapisan keselamatan untuk pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO yang terlibat berasaskan keperluan perundangan, peraturan dan etika terpakai yang selaras dengan keperluan perkhidmatan, peringkat maklumat yang akan dicapai serta risiko yang dijangkakan.	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

DP030102(A.7.1.2) Terma & Syarat Perkhidmatan (*Terms and Conditions of Employment*)	
Persetujuan berkontrak dengan pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO hendaklah dinyatakan tanggungjawab mereka dan tanggungjawab organisasi terhadap keselamatan maklumat. Perkara-perkara yang mesti dipatuhi adalah seperti berikut : a. Menyatakan dengan lengkap dan jelas peranan serta tanggungjawab pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO yang terlibat dalam menjamin keselamatan aset ICT; dan b. Mematuhi semua terma dan syarat perkhidmatan yang ditawarkan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa berdasarkan perjanjian yang telah ditetapkan.	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

0302(A.7.2) Dalam Tempoh Perkhidmatan (*During Deployment*)

Objektif:

Memastikan pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO mematuhi tanggungjawab dan peranan serta meningkatkan pengetahuan dalam keselamatan aset ICT. Semua pengguna hendaklah mematuhi terma dan syarat perkhidmatan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

DP030201(A.7.2.1) Tanggungjawab Pengurusan (*Manegement Responsibilities*)	
PERKESO hendaklah memastikan pengguna luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO supaya mengamalkan keselamatan maklumat menurut polisi dan prosedur yang telah ditetapkan.	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO
DP030202(A.7.2.2) Kesedaran, Pendidikan dan Latihan Tentang Keselamatan Maklumat (*Information Security Awareness, Education and Training*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja	
DP030203(A.7.2.3) Proses Tatatertib (*Disciplinary Process*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja	
0303(A.7.3) Penamatan atau Perubahan Perkhidmatan (*Termination and Change of Employment*)	
Objektif: Memastikan tamat perkhidmatan pengguna luar diurus dengan teratur .	
DP030301(A.7.3.1) Penamatan atau Pertukaran Tanggungjawab Perkhidmatan (*Termination or Change of Employment Responsibilities*)	
Pengguna Luar yang telah tamat perkhidmatan perlu mematuhi perkara-perkara berikut :	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan

a. Memastikan semua aset ICT dikembalikan kepada PERKESO mengikut peraturan dan/atau terma perkhidmatan yang ditetapkan; b. Membatalkan atau menarik balik semua kebenaran capaian ke atas maklumat dan kemudahan proses maklumat mengikut peraturan yang ditetapkan PERKESO dan/atau terma perkhidmatan yang ditetapkan; dan c. Maklumat rasmi PERKESO dalam peranti tidak dibenarkan dibawa keluar dari PERKESO.	perkhidmatan ICT PERKESO

Bidang 04(A.8) Pengurusan Aset (*Asset Management*)
0401(A.8.1) Tanggungjawab Terhadap Aset (*Responsibility for Assets*)
Objektif: Untuk mengenal pasti aset bagi memberikan dan menyokong perlindungan yang bersesuaian ke atas semua aset ICT PERKESO.
DP040101(A.8.1.1) Inventori Aset (*Inventory of Asset*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP040102(A.8.1.2) Pemilikan Aset (*Ownership of Assets*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP040103(A.8.1.3) Penggunaan Aset Yang Dibenarkan (*Acceptable Use of Assets*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP040104(A.8.1.4) Pemulangan Aset (*Return of Assets*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
0402(A.8.2) Klasifikasi Maklumat (*Information Classification*)
Objektif: Memastikan setiap maklumat atau aset ICT diberikan tahap perlindungan yang bersesuaian.
DP040201(A.8.2.1) Pengelasan Maklumat (*Classification of Information*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja

DP040202(A.8.2.2) Pelabelan Maklumat (*Labelling of Information*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP040203(A.8.2.3) Pengendalian Aset (*Handling of Assets*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
0403(A.8.3) Pengendalian Media (*Media Handling*)
Objektif: Melindungi aset ICT daripada sebarang pendedahan, pengubahsuaian, pemindahan atau pemusnahan serta gangguan ke atas aktiviti perkhidmatan.
DP040301(A.8.3.1) Pengurusan Media Mudah Alih (*Management of Removal Media*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP040302(A.8.3.2) Pelupusan Media (*Disposal of Media*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP040303(A.8.3.3) Pemindahan Media Fizikal (*Physical Media Transfer*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja

Bidang 05(A.9) Kawalan Akses (*Access Control*)

0501(A.9.1) Keperluan Kawalan Akses (*Requirement of Access Control*)

Objektif :

Menghadkan akses kepada kemudahan pemprosesan data dan maklumat dengan memahami dan mematuhi keperluan keselamatan dalam mengawal capaian ke atas maklumat.

DP050101(A.9.1.1) Polisi Kawalan Akses (*Access Control Policy*)

Capaian kepada proses dan maklumat hendaklah dikawal mengikut keperluan keselamatan dan fungsi kerja pengguna yang berbeza. Peraturan kawalan capaian hendaklah diwujudkan, didokumenkan dan disemak berdasarkan keperluan perkhidmatan dan keselamatan maklumat. Ia perlu dikemas kini setahun sekali atau mengikut keperluan dan menyokong peraturan kawalan capaian pengguna sedia ada. Perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut: a. Keperluan keselamatan aplikasi; b. Hak akses dan dasar klasifikasi maklumat sistem dan rangkaian; c. Undang-undang dan peraturan berkaitan yang berkuat kuasa semasa; d. Kawalan capaian ke atas perkhidmatan rangkaian dalaman dan luaran; e. Pengasingan peranan kawalan capaian; f. Kebenaran rasmi permintaan akses; g. Keperluan semakan hak akses berkala; h. Pembatalan hak akses;	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

i. Arkib semua peristiwa penting yang berkaitan dengan penggunaan dan pengurusan identiti pengguna dan maklumat; dan j. Keistimewaan capaian.	

DP050102(A.9.1.2) Capaian Kepada Rangkaian Dan Perkhidmatan Rangkaian (*Access to Network and Network Services*)

Pengguna hanya boleh dibekalkan dengan capaian ke rangkaian dan perkhidmatan rangkaian setelah mendapat kebenaran dari PERKESO. Kawalan capaian perkhidmatan rangkaian hendaklah dijamin selamat dengan: a. Menempatkan atau memasang perkakasan ICT yang bersesuaian di antara rangkaian PERKESO, rangkaian agensi lain dan rangkaian awam; b. Mewujud dan menguatkuasakan mekanisme untuk pengesahan pengguna dan perkakasan ICT yang dihubungkan ke rangkaian; dan c. Memantau dan menguatkuasakan kawalan capaian pengguna terhadap perkhidmatan rangkaian ICT.	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

0502(A.9.2) Pengurusan Akses Pengguna (*User Access Management*)

Objektif:

Akses kepada proses dan maklumat hendaklah dikawal mengikut keperluan keselamatan dan fungsi kerja pengguna yang berbeza. Ia perlu direkodkan, dikemas kinidan menyokong dasar kawalan capaian pengguna sedia ada.

DP050201(A.9.2.1) Pendaftaran dan Pembatalan Pengguna (*User Registration and De-Registration*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP050202(A.9.2.2) Peruntukan Akses Pengguna (User Access *Provisioning*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP050203(A.9.2.3) Pengurusan Hak Akses Istimewa (*Management of Priviledge Access Rights)*
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP050204(A.9.2.4) Pengurusan Maklumat Pengesahan Rahsia Pengguna (*Management of Secret Authentication Information of Users*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP050205(A.9.2.5) Kajian Semula Hak Akses Pengguna (*Review of User Access Rights*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
DP050206(A.9.2.6) Pembatalan atau Pelarasan Hak Akses (*Removal or Adjustment of Access Rights*)
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja
0503(A.9.3) Tanggungjawab Pengguna (*User Responsibilities*)
Objektif : Memastikan pengguna bertanggungjawab melindungi maklumat pengesahan mereka.
DP050301(A.9.3.1) Penggunaan Maklumat Pengesahan Rahsia (*Use of Secret Authentication Information*)

Pengguna perlu mengikut amalan keselamatan yang baik di dalam pemilihan, penggunaan dan pengurusan kata laluan sebagai melindungi maklumat yang digunakan untuk pengesahan identiti. Peranan dan tanggungjawab pengguna adalah seperti berikut: a. Membaca, memahami dan mematuhi Polisi Keselamatan Siber PERKESO; b. Mengetahui dan memahami implikasi keselamatan siber kesan daripada tindakanya; c. Melaksanakan prinsip-prinsip dan menjaga kerahsiaan maklumat PERKESO; d. Melaksanakan langkah-langkah perlindungan seperti berikut : i. Menghalang pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dibenarkan; ii. Memeriksa maklumat dan menentukan ia tepat dan lengkap dari semasa ke semasa; iii. Menentukan maklumat sedia untuk digunakan; iv. Menjaga kerahsiaan kata laluan; v. Mematuhi standard, prosedur, langkah dan garis panduan keselamatan yang ditetapkan; vi. Memberikan perhatian kepada maklumat terperingkat terutama semasa pewujudan, pemprosesan, penyimpanan, penghantaran, penyampaian, pertukaran dan pemusnahan; dan vii. Menjaga kerahsiaan langkah-langkah keselamatan siber daripada diketahui umum. e. Melaporkan sebarang aktiviti yang mengancam kesealamatan siber kepada ICTSO dengan segera; dan	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO

f. Menghadiri program-program kesedaran mengenai keselamatan siber. Pengguna perlu mengikut amalan keselamatan yang baik di dalam pemilihan, penggunaan dan pengurusan kata laluan sebagai melindungi maklumat yang digunakan untuk pengesahan identiti.	
0504(A.9.4) Kawalan Akses Sistem dan Aplikasi (*System and Application Access Control*)	
Objektif : Menghalang capaian tidak sah dan tanpa kebenaran ke atas maklumat yang terdapat di dalam sistem dan aplikasi.	
DP050401(A.9.4.1) Sekatan Akses Maklumat (*Information Access Restriction*)	
Akses kepada fungsi maklumat dan sistem aplikasi hendaklah dihadkan mengikut dasar kawalan capaian.	Pengguna Luar dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT PERKESO
DP050402(A.9.4.2) Prosedur Log Masuk Yang Selamat (*Secure Log-on Procedure*)	
Hanya terpakai untuk anggota PERKESO sahaja	

DP050403(A.9.4.3) Sistem Pengurusan Kata Laluan (*Password Management System*)
